

| | | | |
|------------|--------------|---------|----------|
| TARIKH | 9 1 5 1 2014 | SEKSYEN | SETEMPAT |
| MUKA SURAT | 34 | RUANGAN | |

THTS tak pernah syor ambil suntikan H1N1

Kuala Lumpur: Tabung Haji Travel and Services Sdn Bhd (THTS) tidak pernah mengesyorkan bakal jemaah umrah untuk mengambil suntikan vaksin H1N1 sebagai langkah pencegahan jangkitan Virus Sindrom Pernafasan Timur Tengah (MERS-CoV).

Pengurus Besar Pembangunan Perniagaan Tabung Haji Shahrunnajmi Basharudin dalam kenyataannya semalam menjelaskan bakal jemaah umrah hanya digalakkan untuk mendapatkan suntikan vaksin Meningococcal Meningitis jenis A, C, Y dan W135 sebelum mengerjakan umrah.

Ini bagi membetulkan laporan media pada 7 Mei

“ Kesilapan itu berikutan kakitangan THTS tiada maklumat tepat berkenaan perkara itu serta tidak mendapat pengesahan daripada pihak pengurusan terlebih dahulu”

Shahrunnajmi Basharudin

lepas bertajuk ‘Jemaah Umrah Dinasihati Ambil Suntikan Vaksin H1N1 Cegah MERS-CoV’.

Shahrunnajmi berkata, kesilapan itu berikutan fakta yang dikeluarkan

kakitangan THTS yang tidak mempunyai maklumat tepat berkenaan perkara itu serta tidak mendapat pengesahan daripada pihak pengurusan terlebih dahulu.

“Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan atau syor mengenai pengambilan vaksin berkenaan sebagai antara langkah pencegahan jangkitan penyakit MERS-CoV,” katanya.

Bakal jemaah umrah boleh berhubung terus dengan pihak Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan maklumat lanjut di talian 03-8881 0600/03-8881 0700 atau 013-6699 700. - BERNA-MA